



Dana baru CIMB-Principal teroka sektor pertumbuhan tinggi China

KUALA LUMPUR: Dana baru CIMB-Principal Asset Management Bhd, CIMB Islamic Greater China Equity Fund, akan meneroka sektor-sektor pertumbuhan tinggi di China yang akan meraih manfaat daripada pakej rangsangan kuasa besar ekonomi itu.

Ketua pegawai eksekutifnya, J. Campbell Tupling, berkata memandangkan pelabur berminat untuk melabur di China bagi meraih keuntungan yang lebih tinggi, syarikat itu mahu menawarkan peluang bagi pelaburan yang berbeza jenisnya.

Ini adalah dana kedua menampilkan pelaburan di China yang ditawarkan oleh syarikat itu tahun ini.

“Tumpuan kami ialah pelbagai pelabur yang mahukan pelaburan jangka panjang.

“Memandangkan China sedang dalam proses pemulihan dengan bantuan pakej rangsangannya yang bernilai AS\$585 bilion (AS\$1 = RM3.44), ini merupakan peluang bagi pelabur mengambil bahagian dalam pasaran,” katanya kepada pemberita selepas pelancaran dana itu di sini semalam.

Sementara itu, ketua pegawai pelaburannya, Raymond Tang, berkata ada banyak potensi yang boleh diteroka, khususnya dalam sektor prasarana, kerana 60 peratus daripada pakej rangsangan China diperuntukkan bagi sektor ini.

Beliau berkata lonjakan mudah tunai akan terus menyokong pasaran saham.

— Bernama